



Wisma Putra tak boleh lagi berlembut

Berita Harian 31 AUG 2010

M/S 27

Provokasi melampau demonstrasi jalanan di Indonesia boleh ancam hubungan KL, Jakarta

KERAJAAN Republik Indonesia sudah berjanji untuk menyasiat siapa dalang di sebalik siri kejadian demonstrasi dan pencabulan terhadap Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta sejak 16 Ogos lalu. Persoalannya, apakah Wisma Putra juga akan melakukan siasatan sendiri berhubung kejadian melampau itu.

“(Demonstrasi itu) supaya kita marah, kita tindak balas dan renggang hubungan dengan Indonesia. Itulah niat mereka. Jadi kita (kedua-dua negara) jangan terperangkap dengan mainan ini. Bagaimanapun, Kabinet telah bincang perkara ini dan duta Indonesia telah dipanggil supaya pihak berkuasa Indonesia ambil langkah kawalan lebih ketat untuk menghindari perkara seperti ini berulang,” kata Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, Jumaat lalu mengulas kejadian itu dan percaya ada dalang di sebaliknya.

Namun beliau berkata, pemerintah Malaysia dan Indonesia mempunyai hubungan yang sangat erat. Tahap begini pastinya satu jaminan bahawa isu ini mampu diselesaikan secara perundingan melalui saluran diplomatik. Cuma yang ketara kejadian memijak, menconteng dan membakar Jalur Gemilang dilakukan anggota sebuah pertubuhan yang turut memanjat pagar dan tembok kedutaan serta melontar najis manusia ke dalam perkaraangan kedutaan yang disifatkan provokasi supaya rakyat atau kerajaan Malaysia bertindak balas. Demonstrasi itu bukan pernyataan atau pendirian kerajaan republik itu.

Dilaporkan memang ada kelompok tertentu di Jakarta yang boleh



GAMBAR HASRIN

PERBUATAN provokasi demonstrasi jalanan rakyat Indonesia berkemungkinan didalangi pihak ketiga.

‘disewa’ mana-mana pihak untuk melakukan demonstrasi. Asalkan mereka dibayar secukupnya, penaja atau dalang demonstrasi akan memperoleh aksi yang diarahkan. Lantas siapa dalang siri demonstrasi kebelakangan ini? Wisma Putra boleh mengumpulkan semua maklumat melalui pelbagai cara. Jika terbukti ada gerakan atau individu dari Malaysia menggunakan warga asing untuk memburukkan negara sendiri di seberang laut maka setiap individu terbahit wajar dikenakan tindakan undang-undang.

Apakah ada badan bukan kerajaan, parti politik atau individu menjadi demonstrasi itu? Kebelakangan ini, semakin ketara kecenderungan pemimpin politik pembangkang menggunakan media dan pengaruh asing sama ada untuk memberi tekanan kepada kerajaan atau memburukkan negara pada kaca mata masyarakat serantau mahupun antarabangsa.

Pensyarah Jabatan Pengurusan

Strategik, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Prof Madya Ruhana Harun, berkata demonstrasi perkara biasa di Indonesia sebagai cara menzahirkan kebebasan mereka.

“Selain keseronokan melakukan perkara seperti membakar bendera, itu tidak cukup. Mereka dibayar penaja, itu boleh jadi sesiapa saja yang ada kepentingan termasuk untuk mendapat publisiti atau terus popular.

Oleh itu, cara mendepani rakyat sendiri dan kelompok asing menggunakan pelbagai medium untuk menjejaskan kestabilan politik mahupun memburukkan negara wajar menjadi kepakaran baru Wisma Putra. Sesuatu yang mengancam keselamatan dan mencemar kedaulatan negara kini tidak boleh dilengahkan, sebaliknya mesti ditangani secara luar biasa, segera dan penuh keutamaan.

Secara khusus, kejadian demonstrasi dan provokasi terhadap Malaysia di Jakarta dalam tempoh ke-

belakangan ini, ternyata tiada laporan jelas diumumkan mana-mana pihak mengenai siapa yang menggerakkan tindakan itu. Malaysia tidak boleh membiarkan perkara seperti ini berterusan kerana dikhuatiri ia berulang dan terus berulang jika tidak ditangani.

Apa yang berlaku di Kedutaan Malaysia di Jakarta sekarang susulan penahanan tiga pegawai perikanan republik itu dalam perairan Kota Tinggi, Johor bersempadan perairan Pulau Bentan dan boleh merebak kepada kejadian lebih buruk. Cuma dikhuatiri, ada pihak ketiga melakukan sabotaj ‘serius’ untuk mengadu domba hubungan Malaysia dan Indonesia. Andainya keadaan tidak terkawal, apa saja boleh berlaku sehingga mendorong tajuk ‘Belum Masa Perang’ disiarkan sebuah akhbar internet di Jakarta. Justeru, kedua-dua negara tidak boleh memandang ringan senario ini.

Kebimbangan keadaan ini dieksplotasi dan dimanipulasi pihak ketiga ternyata sangat berasas. Contoh,

lihat saja bagaimana Amerika Syarikat melaksanakan dasar luar dan keselamatan baru selepas kejadian 16 September 2001 dengan fokus memeringi gerakan Islam di negara Islam dan kumpulan Islam di wilayah dalam negara bukan Islam mengikut ‘label’ ancaman mereka lekatkan.

Dasar baru bersifat pre-emptif itu khusus untuk melancarkan peperangan bagi menumpaskan militan dan ‘pengganas’ Islam. Pertubuhan Islam di Malaysia dan Indonesia tidak terkecuali dalam skop ini. Andai ada kumpulan ini menjadi pihak ketiga yang mengambil kesempatan untuk memburukkan hubungan kedua-dua negara sekarang dengan sabotaj berbentuk kekerasan dan keganasan maka ini boleh mengundang pelbagai bentuk campur tangan Amerika di rantau ini.

Inilah kesan dan akibat kekeruhan hubungan KL-Jakarta jika tidak dijernihkan serta-merta dan mengandaikan situasi sekarang diambil kesempatan pihak ketiga yang mahu memburukkan keadaan ke tahap maksimum.

Justeru, cara terbaik ialah rakyat serta pemimpin perlu lebih matang dan terbuka dalam memberi reaksi terhadap kes membangkitkan undang-undang mana-mana negara. Hindarkan provokasi dan tindakan melukakan pihak lain. Pastinya, pertemuan Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman, dijadual bertemurakan sejawatannya dari Indonesia, Dr Marty Natalegawa, di Kota Kinabalu pada 6 September ini bagi membincangkan isu batas perairan kedua-dua negara itu, diharap mampu meredakan ketegangan sekarang seterusnya kembali penuh seperti asal.